



Persiapan ke menara gading

Salam Ramadan ini, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia membawa khabar gembira dengan mengumumkan senarai yang berjaya mengikuti program ijazah sarjana muda di 20 universiti awam tempatan.

Bagi pengajian Sesi 2013/2014 September ini, seramai 41,573 pelajar baharu ditawarkan dan daripada jumlah itu, 24,489 calon mengikuti aliran sains, manakala 17,084 dalam aliran sastera.

Menurut Ketua Pengarahnya, Prof Datuk Dr Morshidi Sirat, kemasukan ke universiti awam berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum dalam menentukan nilai merit pemohon.

Tahniah diucapkan dan pastinya bakal mahasiswa yang mendapat tawaran itu berasa amat teruja untuk melangkah ke universiti, namun calon harus mempersiapkan diri terlebih dulu jika tidak mungkin menimbulkan masalah kepada mereka untuk mengikuti pengajian dengan selesa di universiti.

Perkara berikut bertujuan membimbing bakal mahasiswa supaya dapat mempersiapkan diri sebelum melangkah ke universiti.

Kewangan

Sumber kewangan ialah faktor penting untuk menyiapkan diri melanjutkan pengajian ke universiti. Setiap pelajar yang berjaya perlu menyediakan sumber kewangan yang mencukupi. Di universiti awam misalnya, jumlah yang diperlukan ketika pendaftaran antara RM1,500 hingga RM2,000.

Bagi mereka dalam kalangan keluarga berkemampuan, jumlah itu tidak menjadi satu masalah. Bagaimanapun, pelajar yang benar-benar tidak berkemampuan dinasihatkan terus menghubungi universiti itu untuk dipertimbangkan dan dibantu mengatasi masalah bayaran yuran.

Pelajar berpeluang mendapat biasiswa atau pinjaman daripada penaja seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat serta

badan-badan korporat yang lain.

Tetapi, bantuan itu hanya diperoleh pada lewat semester pengajian. Walaupun pihak penaja menyediakan wang pendahuluan kepada yang berjaya ke universiti, pelajar masih memerlukan kewangan untuk menguruskan diri semasa permulaan pengajian. Tanpa wang yang cukup akan mendatangkan kesulitan kepada pelajar untuk belajar.

Berdikari

Calon harus sedar bahawa kehidupan di kampus amat berbeza berbanding alam persekolahan. Pelajar banyak dibantu oleh guru dan ibu bapa dalam urusan persekolahan dan kehidupan, namun di kampus semuanya berbeza.

Oleh itu, sudahkah pelajar bersedia menghadapi cabaran hidup baru di kampus secara berdikari? Pelajar harus melakukannya sendiri dan tahu bagaimana mengurus diri, mengurus perbelanjaan harian, malah harus pergi sendiri untuk berjumpa doktor sekiranya tidak sihat.

Sebagai pelajar, penjagaan kesihatan diri termasuk aspek

pemakanan amat penting supaya tidak mengganggu pembelajaran. Alam kampus ialah persekitaran baharu dengan dikelilingi pelajar baharu yang sebahagiannya bakal menjadi rakan sekuliah. Belajarlah bagaimana untuk tinggal dalam suasana harmoni dan baik bersama-sama rakan sebilik.

Hormatilah kehadiran mereka seperti mereka menghormati kehadiran pelajar. Ini semua akan dapat mengelakkan pelajar daripada mengalami kejutan budaya baharu.

Keyakinan diri

Faktor keyakinan diri turut mempengaruhi pelajar termasuk yang cemerlang. Mungkin ada dalam kalangan pelajar berasa tidak yakin untuk berjaya apabila melangkah ke universiti. Oleh itu, pelajar perlu meningkatkan keyakinan diri dengan menamakan sikap berani dan yakin boleh melakukannya sama seperti pelajar lain. Keyakinan diri mampu membantu ketika pengajian di universiti. Tanamkan slogan 'Malaysia Boleh, Saya Boleh' dalam diri.

Pengurusan masa

Lazimnya, individu yang berjaya dalam hidup banyak bergantung kepada bagaimana seseorang itu menguruskan masa dengan

sistematik. Aturlah penjadualan waktu seharian meliputi waktu kuliah, mengulang kaji, membuat tugas, beribadat, beriadah, menonton televisyen, mendengar radio, mengurus diri, makan dan tidur.

Hanya dengan membiasakan diri dengan pengurusan masa yang betul, pelajar tidak akan menghadapi banyak masalah ketika di menara gading.

Kemahiran ICT

Pelajar perlu mempunyai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sangat diperlukan dalam pembelajaran di universiti. Di universiti, pelajar perlu mendaftar kursus secara dalam talian, manakala semua tugas akademik seperti kertas projek dan laporan amali harus ditaip menggunakan komputer.

Malahan ketika pelajar ingin mencari bahan rujukan di perpustakaan pun, kemudahan itu digunakan untuk mencari bahan rujukan yang berjumlah jutaan naskhah. Selain itu, pelajar boleh mencari bahan rujukan tambahan dengan melayari Internet yang mempunyai banyak maklumat.

Gunakan peluang yang diberikan itu dengan menjadi pelajar cemerlang. Ingatlah, ramai di luar sana yang layak, tetapi tidak terpilih seperti anda.